

Headline	DBKL, FRIM jalin kerjasama urus taman, hutan bandar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	256 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,254
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,761



## DBKL, FRIM jalin kerjasama urus taman, hutan bandar

**KUALA LUMPUR** - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memeterai memorandum perjanjian (MOA) dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam pengurusan hutan bandar dan pengurusan taman bandar di ibu kota.

MOA berkenaan merupakan kesinambungan hasil kerjasama antara DBKL dan FRIM sebelum ini dalam usaha meningkatkan pembangunan landskap.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal berkata, sebanyak RM1.1 juta diperuntukkan untuk disalurkan kepada pihak FRIM bertujuan membiayai segala kajian yang dilaksanakan menerusi beberapa projek yang difokuskan.

Menurutnya, antaranya, kakitangan bertaraf kontrak yang terdiri daripada perjawatan Pegawai Penyelidik (3 orang) dan Pembantu Penyelidik (2 orang) juga akan dilantik seterusnya diberi latihan oleh FRIM untuk melaksanakan kerja-kerja herbarium termasuklah mengambil sampel pokok di lapangan, membuat kurasi herbarium serta penyediaan pangkalan data

herbarium.

“Selain itu, projek di bawah MOA ini juga memabatkan Kajian BioDiversiti yang merangkumi inventori spesies pokok, penilaian pokok sedia ada berdasarkan keperluan botani dan ekologi, penilaian status pemuliharaan pokok serta penyediaan spesimen herbarium bagi koleksi pokok di Taman Botani Perdana.

“Turut dilakukan adalah kajian vegetasi, tanah dan hidrologi di Taman Rimba Bukit Kerinchi dengan penyediaan Pelan Permukaan Tanah, peta kawasan tanah dan peta kesesuaian tanaman. Ini adalah merupakan kerjasama bersama beberapa agensi kerajaan bagi Program Penghutan Semula Taman Rimba Bukit Kerinchi yang sedang dilaksanakan.

“Dalam pada itu, kajian terhadap dua taman rekreasi iaitu di Taman Dusun Bandar dan Taman Rekreasi Kolam Takungan Banjir Kampung Bohol, juga akan dibuat dengan mengemukakan laporan kajian serta pelan cadangan pemulihan tanah di kawasan tersebut,” katanya selepas

menandatangani MOA, baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, beliau mewakili DBKL manakala FRIM diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Mengulas lanjut Ahmad Phesal, berkata, dana yang diperuntukkan akan disalurkan dalam tempoh tiga tahun seperti mana yang dimeterai dalam MOA berkenaan.

“Ini bermakna sejumlah RM380,000 setahun akan diberikan kepada FRIM meliputi kos peralatan bagi melaksanakan kajian-kajian yang dipersetujui, emolumen kakitangan yang dilantik secara kontrak serta lain-lain perkara yang melibatkan pembelian dan sewaan,” katanya.

Menurutnya, MOA berkenaan akan menjadi satu dimensi baru dalam konteks cara dan kaedah DBKL membangunkan kawasan-kawasan hijau di Kuala Lumpur agar hasilnya mampu memberi impak yang besar terhadap peningkatan biodiversiti bandar dan seterusnya meningkatkan kualiti kehidupan warga kota.



Ahmad Phesal (kiri) dan Abd Latif menunjukkan MoU yang telah ditandatangani mereka.